

12 JUL 2003

Jelajah-Shamsurrijal (Eksklusif Bergambar)

SHAMSURRIJAL KONGSI SEMANGAT CINTA NEGARA DGN PELAJAR MESIR

JOHOR BAHRU, 12 Julai (Bernama) -- Penjelajah solo negara Shamsurrijal Abdul Jamil yang kini berada di Mesir sejak 30 Jun tidak melepaskan peluang untuk menyemarakkan semangat cinta negara di kalangan para pelajar Malaysia di negara itu.

Penjelajah solo berkereta nasional Proton Satria GTi itu, yang kini berada di negara ke-25 daripada 118 negara yang akan dilaluinya, mengisi masa di Kaherah dengan mengadakan perjumpaan dengan para pelajar Malaysia di sana bagi berkongsi pengalaman beliau.

"Kini JGII (Jalur Gemilang II) berada di Kaherah, Mesir dan masih menanti kelulusan permohonan visa dan kenderaan dari pihak Kedutaan Libya di Kaherah... masa yang terluang diisi bersama pelajar yang menuntut di Universiti Al-Azhar," katanya dalam e-mel kepada Bernama di sini.

Mengenai kelewatan mendapat kelulusan visa itu, beliau berkata JGII menyenaraikan sepenuhnya semua peralatan komunikasi dan navigasi yang dibawa dalam permohonan visanya tetapi dalam suasana semasa di rantau itu ia kadang kala menimbulkan syak wasangka negara-negara yang bakal dilalui.

Dalam sesi-sesi ramah mesra dengan para pelajar itu, beliau menceritakan pengalaman merentasi 24 negara setakat ini di samping tujuannya berkorban meninggalkan anak-anak dan isteri di Malaysia, untuk mengejar impiannya mencipta rekod dunia demi mengharumkan nama Malaysia.

"Sikit sebanyak saya berusaha menanamkan semangat berusaha dan patriotik di kalangan rakyat Malaysia yang ditemui dan menekankan mengenai kesejagatan agama Islam dan nilai-nilai Islam," katanya.

"Berdasarkan pengalaman menyaksikan negara-negara lain, saya merumuskan kepada pelajar-pelajar bahawa tiada negara yang dapat menandingi Malaysia dalam hampir segenap segi kehidupan," tambahnya.

Sambil menekankan supaya mereka sentiasa menjaga nama baik negara dan berbangga menjadi rakyat Malaysia, Shamsurrijal turut menjelaskan kepada para pelajar itu bahawa baik daripada segi perancangan dan pelaksanaan ajaran agama mahupun keharmonian masyarakat dan kepesatan pembangunan, tiada negara lain yang kini lebih menonjol daripada Malaysia di mata dunia.

Beliau menyemaikan keyakinan kepada mereka bahawa untuk Malaysia terus maju, rakyat Malaysia mesti gigih berusaha dalam bidang masing-masing, bersaing dan berdaya tahan di peringkat global tanpa meninggalkan nilai-nilai agama dan jati diri Malaysia di mana pun mereka berada.

Mengenai usahanya mencipta rekod dunia menjadi pemandu solo berkereta ke 118 negara merentasi 180,000 kilometer, beliau berkata setakat ini hanya Iraq yang tidak dapat dijelajahnya kerana keadaan semasa tidak mengizinkan.

Sebelum melangkah ke Mesir di utara benua Afrika, JGII telah memasuki 24 Asia iaitu Singapura, Bangladesh, Bhutan, Nepal, India, Pakistan, Afghanistan, Tajikistan, Uzbekistan, Kazakhstan, Kyrgystan, Turkmenistan, Iran, Turki, Syria, Lebanon, Jordan, Kuwait, Bahrain, Arab Saudi, Qatar, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Oman dan Yemen.

"Jarak pemanduan sehingga kini adalah sejauh 34,500km dengan suhu terendah pernah dialami sebelum ini adalah -10 darjah Celsius di Bishkek, Kyrgystan pada bulan Mac dan suhu tertinggi 47 darjah Celsius di Riyadh, Arab Saudi pada bulan Mei lalu," katanya.

Meringkaskan pengalamannya setakat ini, Shamsurrijal, 38, anak kelahiran Pontian itu berkata banjaran yang tertinggi yang berjaya didaki adalah banjaran Himalaya di Bhutan dan Nepal di sekitar 3,028m dan 2,488m

dari paras laut di samping banjaran pergunungan Hindu Kush yang diliputi ais di Afghanistan pada ketinggian 4,987m dari paras laut pada April lalu.

"Sementara lembah yang terendah di dunia iaitu di kawasan Laut Mati telah juga berjaya ditakluki iaitu 380m di bawah paras laut.

"Walaupun tanpa sebarang ubahsuaian kepada spesifikasi asal kenderaan JGII mampu melakukannya. Gunung, lembah dan padang pasir yang tandus berjaya diredah tanpa sebarang masalah besar kepada kenderaan," tambahnya.

Shamsurrijal, yang berlepas dari sini pada 15 Feb, berkata bagi menggantikan Iraq, JGII telah merancang untuk menambah satu lagi negara bagi mencukupkan jumlah 118 buah negara.

Katanya, JGII juga singgah di 16 pejabat kedutaan negara di negara-negara yang dilalui, yang telah mengaturkan pelbagai acara khasnya liputan media tempatan mengenai kehadiran JGII di negara-negara yang dilalui.

"Sememangnya ramai yang kagum dengan keupayaan Malaysia dalam pelbagai industri yang mampu ditonjolkan oleh JGII," katanya.

Menurutnya, JGII meninggalkan benua Asia melalui pelabuhan Duba' di Arab Saudi dan merentasi Laut Merah dan mula mendarat di Afrika melalui pelabuhan Safaga di Mesir dengan perkhidmatan feri Taj Al Salam pada 30 Jun lalu.

Jarak rentas Laut Merah ialah 200KM yang memakan masa selama 8 jam dalam cuaca yang baik, tambahnya, yang mengharapkan sokongan moral dan material daripada semua rakyat Malaysia untuk membolehkannya merealisasikan seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya lebih ramai anak Malaysia berusaha mencipta rekod dunia.

-- BERNAMA

MNY RHM